

04/09/1998

Berjihad untuk memulihkan ekonomi

Dr Abdurrahman Haqqi

KADANGKALA kita menyukai sesuatu perkara, padahal ia akan memudaratkan kita. Sebaliknya kadangkala kita membenci sesuatu perkara, kerana ia akan memberi manfaat kepada kita. Salah satu perkara daripada pengertian hakikat ini adalah jihad dengan pengertian berperang mengangkat senjata mempertahankan Islam daripada penceroboh bukan Islam.

Al-Quran menjelaskan maksudnya `Kamu diwajibkan berperang (untuk menentang pencerobohan) sedang peperangan itu ialah perkara yang kamu benci; dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya. "QS. al-Baqarah : 216)".

Dimensi jihad dalam Islam sangatlah luas sehingga kita boleh memasukkan tema Hari Kemerdekaan tahun ini iaini Negara Kita Tanggungjawab Kita ke dalamnya. Ini kerana jihad tidak terlepas daripada makna tanggungjawab seorang Muslim mempertahankan dan memperjuangkan maruah negaranya sebagai harta yang tidak ternilai harganya. Hadis yang mengajarkan kita bahawa sesiapa yang terbunuh kerana mempertahankan harta dan maruah dirinya termasuk golongan syuhada (baca hadis riwayat Muslim) amatlah terkenal di kalangan umat. Bukankah negara melebihi harta dan maruah diri?

Apa yang menarik apabila kita perhatikan ayat-ayat al-Quran yang membincangkan jihad adalah disenaraikan sebagai amwal (jamak mal yang bererti harta) dalam urutan pertama sebelum jiwa atau nyawa (baca sebagai contoh at-Taubah : 42, 89 dan an-Nisa : 94). Ini adalah satu bukti bahawa dimensi jihad dalam bidang ekonomi jauh lebih utama dibandingkan dengan dimensi fizikal khususnya dalam keadaan sekarang yang mana pencerobohan terhadap ekonomi negara begitu hebat sekali.

Hari ini jika kita mengangkat senjata untuk mempertahankan dan memperjuangkan hak kita, akan dicap oleh apa yang dinamakan masyarakat antarabangsa ciptaan Barat sebagai penganas, barbarik dan tidak bertamadun. Boleh jadi, peluru berpandu Bill Clinton yang akan menyerang kita. Mengangkat senjata adalah jihad berdimensi fizikal dan ia terletak pada urutan kedua jihad sedangkan natijahnya adalah ihda al-husnayain atau salah satu dari dua perkara yang sebaik-baiknya (iaitu kemenangan atau mati syahid). (QS. at-Taubah : 52).

Bagaimana dengan jihad ekonomi?. Ini lebih dahsyat lagi kerana jika kita kalah perang dalam jihad ini, natijahnya hanya satu iaitu penjajahan dan kita akan menjadi hamba yang terus bekerja demi tuannya selama dijaja. Bahaya inilah yang selalu ditekankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam perutusannya Hari Kemerdekaan ke-41, beliau menyatakan "Penyusunan semula masyarakat dan ekonomi untuk mengagihkan kekayaan negara kita secara adil dan saksama kepada semua kaum akan tidak dipatuhi oleh mereka (pihak asing dan Barat) kerana bagi mereka, pasaran mestilah bebas dan tidak dikawal oleh kerajaan. Dengan ini mereka boleh mangaut keuntungan yang terbesar mungkin untuk diri mereka tanpa menghiraukan kepentingan kita. Kita hanya akan menjadi pekerja mereka".

Peperangan ekonomi inilah yang menjadi tumpuan pemikiran dan pekerjaan yang mesti kita cari penyelesaian dan pelaksanaannya hari ini, bukan mencipta kegawatan politik. Dalam menghadapi kegawatan ekonomi sekarang, negara tidak boleh dibebankan dengan kegawatan politik yang boleh menggugat kestabilan negara".

Sebagai rakyat daripada sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, kita tidak boleh mengabaikan tanggungjawab terhadap kelanjutan kemerdekaan dan maruahnya. Dan masing-masing daripada kita mempunyai tanggungjawab kepada rakyat. 'Kullun muyassarun lima khuliqa lahu', sabda Nabi junjungan kita. (HR. Muslim). Ia bermakna bahawa setiap insan dicipta Allah sesuai dengan kesanggupan masing-masing untuk melaksanakan apa yang sesuai dengan dirinya yang akan membawanya ke tempat yang layak baginya, baik di dunia atau di akhirat.

Dalam berjihad kategori fardu kifayah, ulama mensyaratkan tujuh syarat (Abu Syuja, al-Ghayah wa at-Taqrīb) manakala berjihad kategori fardu ain ketujuh-tujuh syarat ini tidak berlaku kerana setiap Muslim wajib berjihad hingga penceroboh diusir dari wilayah Islam.

Dalam jihad ekonomi, kerana ia dilihat negatif kepada seluruh sendi negara bukan hanya tanah, maka wajib bagi setiap warga mengerahkan tenaganya sesuai dengan kemampuan masing-masing. Ini akan membawa kepada pengertian jihad melawan hawa nafsu yang mana ia disifatkan Nabi sebagai 'al-Jihad al-Akbar' atau jihad yang lebih besar. Setiap rakyat diminta menahan diri dan mengekang tingkah laku ekonomi yang boleh memudaratkan langkah pemulihan ekonomi yang diambil Ulul Amri.

Sebagai ganjarannya, insya-Allah kita akan dikurniai firman Allah yang, "Dan orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang yang berusaha memperbaiki amalannya". (QS. al-Ankabut : 69).

Agar matlamat berkenaan tercapai, kewaspadaan atau berjaga-jaga adalah kunci kejayaannya, Allah berfirman maksudnya "Wahai orang yang beriman, bersedialah dan berjaga-jagalah (sebelum kamu menghadapi musuh), kemudian (bila dikehendaki), maralah (ke medan perang) sepuak demi sepuak, atau (jika perlu) maralah serentak beramai-ramai". (QS. an-Nisa : 71).

Secara logik, dalam jihad ekonomi ini, kita tidak boleh mengharapkan bantuan pihak yang sedang kita lawan kezalimannya. "Demikian dengan pemulihan ekonomi negara kita sekarang. Kita tidak boleh berharap kepada bantuan orang asing. Kita mesti berusaha memulihkan ekonomi negara kita dan mempertahankan kemerdekaan kita. Perkara yang pertama dan utama yang kita perlu tentukan ialah pengekalan keharmonian antara kaum dan kestabilan politik negara kita", kata Perdana Menteri dalam perutusannya itu.

(END)